



بِحَمْدِهِ مُفْتَنٍ بِكُرْبَىٰ سَابِرٌ

الإرشاد

AL-IRSYAD

HUKUM MENDAPATKAN SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 KETIKA MENGERJAKAN IBADAH PUASA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

1. Dari segi bahasa puasa bermaksud menahan diri daripada melakukan sesuatu. Dari segi syarak pula puasa bermaksud menahan diri daripada melakukan perkara-perkara tertentu yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Ibadah puasa di bulan Ramadhan merupakan salah satu rukun Islam yang ketiga dan menjadi kewajipan kepada umat Islam yang cukup syarat wajib berpuasa. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu bertaqwa"

[Al-Baqarah:183]

Nabi SAW bersabda:

بِيِّنِ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ حَمْسٍ: شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجَّ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Maksudnya: "Islam dibina di atas lima perkara: "Mengucap bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, melaksanakan haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadhan"

[Riwayat Bukhari (8)]

2. Sukacita dijelaskan bahawa mengenai perkara di atas adalah hukum berkaitan "Mendapatkan Suntikan Vaksin Covid-19 Ketika Mengerjakan Ibadah Puasa". Antara perkara yang membatalkan puasa ialah memasukkan sesuatu ke dalam rongga dengan sengaja. Imam Al-Nawawi ada menyebut bahawa "Di antara perkara yang membatalkan puasa ialah masuknya sesuatu ke dalam rongga (yang terbuka)".

[Rujuk Raudhah Al-Talibin Wa 'Umdah Al-Muftin (2/3560)]

3. Penggunaan vaksin adalah bagi menambah imunisasi badan dan hukumnya diharuskan oleh syarak. Kepentingan pengambilan suntikan vaksin adalah untuk meningkatkan imunisasi badan terhadap serangan beberapa penyakit berjangkit khususnya penyakit Covid-19 sepetimana yang disarankan oleh para doktor dan institusi-institusi perubatan tempatan dan antarabangsa.
4. Para Fuqaha telah membincangkan berkenaan hukum menyuntik apa-apa suntikan ketika menjalankan ibadah puasa di bulan Ramadhan seperti berikut:
- Jika suntikan mendatangkan khasiat dan tenaga di siang bulan Ramadhan maka ianya membatalkan puasa. Hal tersebut telah dinyatakan oleh Imam Al-Nawawi dalam karyanya Al-Majmu'. **[Rujuk Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab, (6/313)]**
 - Jika suntikan itu melalui urat yang bersambung dengan rongga dan ubat tersebut sampai kepada rongga maka ianya membatalkan puasa. Kata Imam Al-Nawawi : "*Jika ia mengubati atau merawat lukanya lalu ubat tersebut sampai kepada rongganya maka ianya membatalkan puasa di sisi kami.*" **[Rujuk Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab (6/320)]**
 - Jika suntikan itu dilakukan melalui otot-otot badan atau anggota badan yang lain seperti peha atau lengan maka ianya **tidak membatalkan puasa**. **[Rujuk Al-Taqrirat Al-Sadidah Qism Al-'Ibadah, (halaman 452)]**.
5. Ijmak ulama pada masa kini telah bersepakat bahawa suntikan yang mengandungi rawatan tidaklah batal puasa seperti yang dinukilkan oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi dalam kitabnya **[Fiqh al-Siyam, (halaman 100)]**. Perkara ini juga telah dikemukakan oleh Syeikh al-Azhar Mahmud Shaltut, Syeikh Muhammad Salamah Jabr dan Syeikh Ali Tantawi. Ini bersamaan dengan kalam Imam Nawawi dalam **al-Majmu'** menyebut: "*Jika dimasukkan ubat ke dalam daging betis atau ditusuk dengan pisau dan lainnya sehingga sampai ubat tersebut kepada otak, nescaya tidak batal puasa tanpa khilaf kerana ia tidak termasuk dalam anggota rongga terbuka.*"

6. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga telah mengesahkan Risalah Isu Semasa mengenai "**Buku Panduan Berpuasa Bagi Pesakit**" yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara kandungan yang terdapat dalam Risalah tersebut ialah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan rawatan perubatan yang tidak membatalkan puasa. Antara salah satu perkara tersebut ialah "**Semua bentuk suntikan sama ada melalui lapisan kulit, otot, sendi atau salur darah**" (**Halaman 6**).

Rumusan

1. Jika suntikan tersebut adalah suntikan yang berkhasiat yang memberi tenaga atau suntikan yang dilakukan melalui urat atau bahagian yang boleh sampai kepada rongga maka ianya membatalkan puasa.
2. Adapun suntikan tersebut khususnya suntikan Vaksin Covid-19 itu dilakukan melalui anggota lain seperti peha atau lengan maka hukumnya adalah harus dan ianya tidaklah membatalkan puasa.

Demikianlah penjelasan mengenai perkara di atas.

وَاللّٰهُ تَبَارَكَ وَتَعَالٰى أَعْلَم

Disediakan Oleh:

Bahagian Fatwa,

Pejabat Mufti Negeri Sabah

23 Sya'aban 1442H/06 April 2021M